



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	24/9/2019	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sokong polis lindungi hidupan liar

SAUDARA PENGARANG,

SAHABAT Alam Malaysia (SAM) memuji tindakan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador yang menunjukkan sifat bertanggungjawab bagi melindungi hidupan liar.

Beliau baru-baru ini membuat kenyataan amat positif bagi memerangi penyeludupan dan pemerdagangan dengan menggerakkan unit udara, laut dan darat bagi membantu Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) membanteras jenayah terhadap hidupan liar.

Jaminan daripada beliau bahawa undang-undang lebih keras dan langkah lebih drastik akan dilaksanakan untuk memastikan pemburu haram dibawa ke muka pengadilan amat dialu-alukan.

Perdagangan haram hidupan liar di peringkat antarabangsa telah mencapai tahap krisis. Ia menjadi ancaman kepada kewujudan spesies ikonik dan menjadi penyebab kepada kepupusan hidupan liar.

Ancaman penyeludupan hidupan liar yang semakin berkembang memerlukan tindakan bersepadu melibatkan kerajaan, pertubuhan pemuliharaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang.

Tanpa tindakan serius gajah Pygmy Borneo, yang semakin kecil bilangannya, sudah tentu

akan mengalami nasib sama seperti badak Sumatera yang diancam kepupusan. Beruang matahari dan tenggiling juga dibimbangi akan menerima nasib sama.

Tidak kira peningkatan tumpuan terhadap memerangi jenayah hidupan liar - hukuman lebih keras dan kemampuan penguatkuasaan hidupan liar yang bertambah baik - bilangan pemburu haram terus meningkat. Mengapa demikian?

Ini kerana ketiadaan penangkapan individu peringkat tinggi yang berkaitan dengan rampasan ini. Tangkapan yang dibuat sering tertumpu kepada pembawa dan penyeludup - ini tidak banyak mencegah perdagangan.

Meskipun beberapa pelaku - biasanya pembawa - ditangkap dan dihukum, mereka hanya memainkan peranan kecil dalam rangkaian jenayah. Rampasan dengan ketiadaan

tangkapan tidak mampu menangani jenayah hidupan liar transnasional.

Tidak banyak yang dilakukan untuk menyiasat pengubahan wang haram berkaitan dengan jenayah ini. Amat penting polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menangani aspek pengubahan wang haram bagi jenayah terancang transnasional ini.

Menangani cabaran hidupan liar memerlukan kombinasi kepakaran yang berbeza dan kerjasama dalam kalangan pelbagai agensi penguatkuasaan.

MEENAKSHI RAMAN

Presiden
SAM

PERDAGANGAN haram hidupan liar di peringkat antarabangsa telah mencapai tahap krisis.
- GAMBAR HIASAN/
UTUSAN

